

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN]**

TARIKH : 23 OKTOBER 2017 (ISNIN)

SOALAN :
**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh minta MENTERI PEMBANGUNAN
WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:**

- (a) Jumlah sumbangan daripada syarikat-syarikat swasta, syarikat berkaitan Kerajaan dan badan-badan bukan Kerajaan dari luar negara yang telah menyumbang kepada projek-projek kemasyarakatan di negara ini, menurut turutan sumbangan tahunan sejak sepuluh tahun lalu; dan

(b) Apakah jenis insentif yang diberikan oleh Kerajaan kepada mereka ini termasuk orang perseorangan yang selalu menyumbang / menderma kepada masyarakat / mangsa dalam hal ini.

236

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah merekodkan sebanyak **1,149** syarikat swasta dan korporat dalam negara yang telah memberi sumbangan bernilai **RM5.4 juta** kepada Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) dan kumpulan sasaran JKM yang memerlukan bagi tahun 2014. Manakala pada tahun 2015, JKM merekodkan sebanyak **647** syarikat swasta dan korporat telah memberi sumbangan kepada PSK dan kumpulan sasaran JKM sebanyak **RM7.2 juta**. Bagi tahun 2016 pula, sebanyak **1,140** syarikat swasta dan korporat telah direkodkan menyumbang sebanyak **RM8.6 juta** kepada PSK dan kumpulan sasaran JKM. Sehingga September 2017, JKM telah merekodkan sebanyak **90** syarikat swasta dan korporat yang memberi sumbangan sebanyak **RM1.3 juta** kepada PSK dan kumpulan sasaran JKM.

Tuan Yang Dipertua,

Syarikat swasta dan korporat layak memohon pelepasan cukai daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi sumbangan kepada Institusi Kebajikan yang mendapat status pengecualian cukai LHDN di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967.